

PENDAHULUAN

Disertasi ini bertujuan mengkaji perbandingan kaedah bacaan al-Quran di antara teknik *Iqra'* yang dipraktikkan di SK Segambut, Kuala Lumpur dan teknik *Al-Baghdadi* di Al-Baghdadi Training Centre, Setiawangsa, Kuala Lumpur. Penulis berhasrat melihat teknik manakah di antara dua teknik yang dikaji ini lebih praktikal untuk diaplikasi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran asas bacaan al-Quran dalam kalangan kanak-kanak Islam di Malaysia.

1.1 PENGENALAN

Al-Quran al-Karim merupakan kalamullah yang diturunkan ke dalam kalbu Baginda Muhammad s.a.w dengan perantara wahyu melalui Ruhul Qudus (Jibril a.s) secara bertahap dalam bentuk ayat demi ayat sepanjang tempoh kenabian Baginda s.a.w selama 23 tahun.¹ Kitab agung warisan Rasulullah s.a.w ini seharusnya disemarakkan lagi dengan membaca serta memahami isi kandungannya kerana di dalamnya terkandung pengajaran dan panduan berguna kepada umat manusia.

Membaca al-Quran dengan betul dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam², malah membacanya juga merupakan ibadah yang diberi pahala oleh Allah S.W.T. Manakala membaca al-Quran dengan betul dari segi tajwid dan makhrajnya adalah perlu supaya pembaca tidak terpesong pengertiannya di samping secara tidak langsung dapat membentuk akidah dan akhlak individu.³

¹ Prof. Dr. Abdussabur Syahin, *Sejarah al-Quran* (Mesir: Nahdah, PT Rhal Publika, 2008), 1.

² Mohd Aderi b. Che Noh, "Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis", *Jurnal Pendidikan* 3, Universiti Kebangsaan Malaysia (2011), 47.

³ Abdul Halim El-Muhammadiyah, *Pendidikan Islam, Falsafah Disiplin dan Peranan Pendidik* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam, 1991), 93.

Apabila seseorang itu berkemampuan membaca al-Quran, mereka digalakkan membaca al-Quran dan dapat mengamalkan dengan membacanya sekurang-kurangnya di antara empat hingga lima juzuk sehari, malah yang paling baik adalah dapat dikhatamkan dalam masa tiga hari.⁴ Terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w berkaitan galakan membaca al-Quran dan mengkhatamkannya. Diriwayatkan dari Ibn Mas'ūd r.a berkata, Rasulullah s.a.w bersabda:

Terjemahan: Barangsiapa membaca al-Quran kurang dari tiga hari, maka dia tidak akan memahaminya.⁵

Oleh yang demikian, sebagai seorang yang telah mengenal dan mampu membaca al-Quran, wajarlah diperbanyakkan membaca al-Quran, memahami maksudnya seterusnya mengamalkan ajarannya.⁶ Ternyata terdapat banyak kelebihan membaca al-Quran di antaranya sepertimana di dalam hadis Baginda s.a.w:

Abu Umamah al-Bahili r.a berkata bahawa dia mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

أَقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ.

Terjemahan: Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat (pertolongan) kepada tuan (yang membacanya).⁷

Baginda s.a.w juga mengumpamakan orang yang tidak membaca al-Quran sebagai rumah yang buruk, usang dan hampir runtuh. Sabda Baginda:

إِنَّ الَّذِي لَيْسَ فِي جَوْفِهِ شَيْءٌ مِنَ الْقُرْآنِ كَالْبَيْتِ الْحَرَبِ

⁴ *Ibid.*

⁵ Hadith riwayat al-Tirmidhi, Bab Faḍail al-Quran, no. Hadis: 4016 dan no. Hadis: 4020 dan al-Albāni, no. Hadis: 1395. Lihat Al-Imām Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi wa huwa al-Jāmi' al-Sahīh* (Muḥammad Abd al-Muḥsin al-Maktabi, t.t), 4:265 dan 267, Hukum Hadis: Ḥasan Ṣaḥīḥ Gharīb Ḥasan Ṣaḥīḥ dan Muḥammad Naṣiruddīn al-Albāni, *Da'īf Sunan Abī Dāūd* (Beirut-Lubnan: al-Maktab al-Islāmi, 1991), 136.

⁶ Abdussabur, *Sejarah al-Quran*, 72.

⁷ Hadith riwayat al-Nawawī, Bāb Faḍl Qirati al-Qurān wa Sūrah al-Baqarah. Lihat An-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 6:90.

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang tidak ada di dalam dirinya sesuatu daripada al-Quran adalah seperti rumah usang yang rosak.⁸

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Tidak dinafikan lagi bahawa kemahiran membaca al-Quran telah dititikberatkan oleh pelbagai pihak di dalam kehidupan muslim sehari-hari khususnya di Malaysia. Ia jelas dilihat dengan adanya sistem pendidikan yang mementingkan pembelajaran al-Quran seawal usia tujuh tahun lagi sebagaimana yang diamalkan di kebanyakan sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Dalam pada itu, terdapat juga pendidikan membaca al-Quran yang diadakan secara tidak formal iaitu dengan mempelajarinya daripada guru-guru al-Quran di rumah-rumah, surau-sarau atau di pusat-pusat pengajian al-Quran.

Sejarah telah membuktikan bahawa kemahiran membaca al-Quran adalah sangat penting untuk dipelajari dan dikuasai oleh setiap individu yang bernama Muslim. Ia sejajar dengan suruhan Allah S.W.T melalui wahyunya yang pertama yang diturunkan kepada junjungan besar s.a.w melalui firman-Nya:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Terjemahan: Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk). (Surah al-‘Alaq 96:1)

Ayat di atas secara jelas membuktikan bahawa suruhan pertama yang telah diarahkan oleh Allah S.W.T ialah ‘membaca’. Akan tetapi pembacaan al-Quran adalah kunci bacaan dalam memperolehi pelbagai cabang dan lapangan ilmu dunia serta akhirat.

⁸ Hadith riwayat al-Tirmidhi, Bab Faḍāil al-Quran, no. Hadis: 3080. Lihat al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 4:250, Hukum Hadis: Ḥasan Ṣaḥīh.

Oleh demikian, sekiranya seseorang individu itu berjaya menguasai kemahiran membaca al-Quran seterusnya mampu membaca al-Quran dengan baik, sudah pasti secara tidak langsung mereka juga mampu mengajarkannya kepada orang lain. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh junjungan besar Rasulullah s.a.w sepertimana yang terdapat di dalam sabda Baginda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Terjemahan: Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.⁹

Berikutan dengan itu, banyak usaha dari pelbagai pihak telah dijalankan bagi mencapai kemahiran bacaan al-Quran terutamanya sedari usia kanak-kanak. Ia bagi memastikan aspek-aspek penting di dalam bacaan al-Quran seperti kelancaran, kefasihan dan kemahiran hukum tajwid sentiasa dipatuhi. Ia juga bagi menghidupkan budaya menjiwai dan menghayati bacaan al-Quran itu sendiri. Justeru, pelbagai kaedah atau teknik membaca al-Quran telah diwujudkan bagi memastikan kemahiran membaca al-Quran dapat dikuasai seawal usia kanak-kanak lagi.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Isu dan permasalahan membaca al-Quran yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran faṣoḥah, tilawah bertajwid dan bacaan secara *tartīl*, *taḥsin* dan *tadwīr* dalam kalangan pelajar Islam masih berlaku samada di peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi.¹⁰ Bahkan ada di antara mereka yang langsung buta al-

⁹ Hadith riwayat al-Tirmidhi, Bāb Faḍāil al-Quran, no. Hadis: 3071 dan no. Hadis: 3074. Lihat al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 4:246 dan 247, Hukum Hadis: Ḥasan Ṣaḥīḥ.

¹⁰ Azarudin Awang, Azman Che Mat, Ahmad Nazuki @Marzuki Yaakub, "Tahap Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar di UiTM Terengganu," *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, Vol. 3, No.3 (2011), 84.

Quran.¹¹ Rentetan dari permasalahan ini, banyak kajian telah dijalankan untuk mengetahui sejauhmana kemampuan pelajar-pelajar Islam di semua peringkat pengajian khususnya di Malaysia mampu menguasai kemahiran bacaan al-Quran dengan baik dalam semua aspek bacaan.

Antaranya adalah menerusi kajian Mohamad Naim Mat Salleh mendapati hanya 10.9% murid yang boleh membaca al-Quran manakala 89.1% lainnya tidak boleh membaca al-Quran.¹² Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Saidi bin Mohd yang menunjukkan 0.6% responden kajiannya berada pada tahap lemah dan 38.1% responden berada di tahap sangat lemah dalam aspek penilaian bacaan al-Quran mereka.¹³

Bertitik-tolak dari beberapa kajian yang telah dijalankan, penulis berpendapat adalah amat perlu untuk diberi perhatian yang penting terhadap teknik asas belajar membaca al-Quran di peringkat kanak-kanak lagi. Penulis turut berpendapat sekiranya teknik asas bacaan al-Quran yang diberikan telah mantap di usia kecil lagi, pastinya isu dan permasalahan terhadap ketidakmampuan membaca al-Quran dapat diatasi.

Dewasa kini memperlihatkan kepelbagaian teknik mempelajari bacaan al-Quran telah diperkenalkan dan ada di antaranya telahpun digunapakai di dalam sistem pendidikan al-Quran di Malaysia. Ia bertujuan bagi mempermudah serta memahirkan setiap individu untuk membaca al-Quran dalam tempoh masa yang singkat. Antara teknik-teknik yang terkenal dan banyak dipraktikkan di dalam sistem pembelajaran di Malaysia samada secara formal atau tidak formal adalah teknik *Baghdadiyyah*, *Qiraati*, *Iqra'*, *al-Barqy*,

¹¹ Mohd Aderi bin Che Noh, "Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Quran Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia" (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, 2008), 47.

¹² Mohd. Naim Mat Salleh, "Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Program j-QAF Bagi Murid-murid Sekolah Rendah Daerah Setiu, Terengganu" (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu, Terengganu, 2008), 101.

¹³ Saidi bin Mohd, "Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu" (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan Hadith, Universiti Malaya, 2006), i.

Hattawiyah, serta teknik terkini iaitu teknik *Al-Baghdadi*, *ABaTa* dan *al-Matien*. Turut juga diperkenalkan kaedah bacaan al-Quran untuk warga OKU pendengaran iaitu menerusi teknik atau kaedah *FAKIH*.

Setiap teknik ini bersaing bagi melahirkan individu yang pandai membaca al-Quran. Dalam masa yang sama, teknik-teknik tersebut dihasilkan supaya setiap individu itu dapat membaca al-Quran dengan betul dan lancar dalam tempoh yang singkat.¹⁴

Fokus utama di dalam kajian ini adalah kepada teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* yang telah digunapakai dan berkembang dengan pesat di dalam sistem pendidikan bacaan al-Quran di Malaysia masakini. Pemilihan kedua-dua teknik di dalam kajian ini adalah kerana teknik *Iqra'* merupakan teknik mengajar al-Quran yang secara rasminya digunakan di dalam sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan terkini Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di semua sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia manakala teknik *Al-Baghdadi* pula merupakan teknik membaca al-Quran alternatif dan terbaru yang kini sudah pun mempunyai hampir 300,000 pelajar serta memiliki 471 cawangan *Al-Baghdadi Learning Centre (ALC)* di seluruh negara.

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, penulis mendapati teknik dan kaedah pengajaran al-Quran dan kajian-kajian berkaitan dengan kemahiran membaca al-Quran di peringkat sekolah rendah amat kurang dijalankan khususnya kajian yang melibatkan pembelajaran al-Quran diperingkat mengenal huruf-huruf al-Quran. Oleh yang demikian, adalah diharapkan semoga kajian ini dapat memenuhi keperluan semasa bagi membantu memperkukuhkan lagi kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid-

¹⁴ Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz dan Ahmad Kamel Mohamed, "Keberkesanan *Iqra'* Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran" (Prosiding Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2003), 2.

murid terutamanya melalui teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* setelah mereka menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi menjawab beberapa masalah utama kajian iaitu:

- 1.4.1 Apakah teknik-teknik bacaan al-Quran yang digunapakai di Malaysia?
- 1.4.2 Apakah latarbelakang lokasi kajian yang dikaji?
- 1.4.3 Apakah bentuk kaedah pengajaran yang ditekankan di dalam teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*?
- 1.4.4 Apakah perbezaan kemampuan pelajar membaca al-Quran dengan baik menerusi penguasaan mereka terhadap teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN:

Secara khususnya, objektif kajian ini bertujuan menjawab masalah kajian yang telah diutarakan seperti berikut:

- 1.5.1 Memperkenalkan teknik-teknik bacaan al-Quran yang digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap kanak-kanak di Malaysia.
- 1.5.2 Mengkaji secara terperinci latarbelakang lokasi kajian di kelas teknik *Iqra'*, Segambut, Kuala Lumpur dan kelas teknik *Al-Baghdadi* di ATC Setiawangsa, Kuala Lumpur.
- 1.5.3 Menjelaskan bentuk metodologi serta kaedah pengajaran yang ditekankan menerusi teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*.

1.5.4 Menganalisa perbezaan kemampuan pelajar membaca al-Quran dengan baik menerusi penguasaan mereka terhadap teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Di dalam kajian ini, penulis ingin melihat secara khusus teknik manakah yang lebih efektif untuk digunapakai dalam usaha memahirkan para pelajar menguasai kemahiran membaca al-Quran di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur dan di ATCKL. Hipotesis di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

H₀¹: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris.

H₀²: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan membaca perkataan atau kalimah.

H₀³: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan membaca ayat al-Quran.

H₀⁴: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan membaca ayat dengan hukum tajwid.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting bagi mengesan serta menghurai beberapa aspek tertentu seperti berikut:

1.7.1 Mengenalpasti teknik belajar dan mengajar al-Quran yang terbaik dan sesuai digunakan terhadap kanak-kanak terutamanya dalam kelompok yang besar.

- 1.7.2 Mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan ibubapa mengenai teknik bacaan al-Quran yang komprehensif lagi praktikal dan sesuai untuk murid-murid sekolah rendah masakini.
- 1.7.3 Kajian ini secara tidak langsung akan memartabatkan lagi nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam usaha membanteras gejala buta al-Quran dalam kalangan pelajar di semua peringkat pengajian.
- 1.7.4 Dengan terhasilnya kajian ini, diharap ianya dapat memberi idea dan cadangan penambahbaikan terhadap kedua-dua teknik belajar membaca al-Quran yang dikaji ke arah pemantapan yang lebih jitu dan berkesan.

1.8 SKOP KAJIAN

Skop atau ruang lingkup kajian ini akan memberikan tumpuan kepada beberapa perkara utama yang menjadi sandaran kepada kajian ini iaitu:

- 1.8.1 Lokasi kajian yang akan dijalankan adalah di Segambut, Kuala Lumpur dan Setiawangsa, Kuala Lumpur. Kedua-dua lokasi kajian ini mewakili setiap teknik yang dikaji.
- 1.8.2 Institusi kajian adalah di Sekolah Rendah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur dan di Al-Baghdadi Training Centre, Setiawangsa, Kuala Lumpur.
- 1.8.3 Sampel kajian bagi kajian ini adalah dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Hasil kajian yang bakal diperolehi dapat memberi gambaran terhadap kemampuan murid-murid menguasai kemahiran membaca al-Quran terhadap kedua-dua teknik yang dikaji.

1.8.4 Dari sudut aspek kajian, penulis akan memberi tumpuan kepada kemampuan pelajar menguasai bacaan al-Quran. Berdasarkan dapatan kajian, penulis akan dapat melihat teknik manakah yang paling berkesan untuk dipraktikkan.

1.9 DEFINISI TAJUK

Tajuk bagi disertasi ini ialah: “*Kaedah Bacaan al-Quran Teknik Iqra’ Dan Al-Baghdadi di Kuala Lumpur: Kajian Perbandingan*”. Oleh demikian, penulis akan menghuraikan beberapa istilah penting yang terdapat di dalam tajuk ini.

Kaedah : Cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa).¹⁵

Bacaan : Cara membaca.¹⁶

Al-Quran : Kitab suci agama Islam.¹⁷

Teknik : Kaedah mencipta sesuatu hasil seni.¹⁸

Iqra’ : Teknik atau kaedah membaca al-Quran yang diasaskan dan disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As’ad Humam dari Indonesia.

Al-Baghdadi : Teknik atau kaedah membaca al-Quran yang diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin bin Hassanuddin, Batu Caves, Selangor, Malaysia.

Kajian : Kajian tentang sesuatu isu (institusi, orang dan sebagainya) berdasarkan data, maklumat dan sebagainya yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.¹⁹

Perbandingan : Perbuatan menandingi atau membanding(kan).²⁰

¹⁵ Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 653.

¹⁶ *Ibid*, 100.

¹⁷ *Ibid*, 39.

¹⁸ *Ibid*, 1630.

¹⁹ *Ibid*, 657.

²⁰ *Ibid*, 120.

1.10 KAJIAN LITERATUR

Sebagaimana diketahui, sorotan literatur adalah satu proses rujukan dan kupasan secara terperinci terhadap kajian-kajian lepas yang ada kaitannya dengan kajian yang hendak dijalankan. Ia tidak lain adalah sebagai kaedah mengenalpasti samada kajian yang hendak dibuat telah dilakukan oleh pengkaji yang lain atau belum. Ia juga bertujuan membantu pengkaji mengenalpasti kehendak tajuk dan masalah serta penyelidikan mana yang sesuai untuk dijadikan rujukan dan contoh.²¹

Jika ditinjau kepada kajian-kajian lepas, penulis mendapati kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran al-Quran telah banyak dijalankan oleh golongan ahli akademik terdahulu. Namun, penulis turut mendapati tiada lagi kajian berbentuk perbandingan di antara mana-mana teknik bacaan al-Quran dilakukan secara khusus dan terperinci setakat ini. Justeru, penulis meyakini bahawa kajian perbandingan yang ingin dijalankan ini masih lagi tidak dikaji dan diselidiki oleh mana-mana individu. Jelas di sini menunjukkan bahawa penulis mempunyai autoriti dalam kajian ini.

Perbincangan selanjutnya akan memaparkan sorotan kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh penyelidik-penyelidik yang berhubungkait dengan teknik *Iqra'*. Kupasannya adalah seperti berikut.

Kertas Kerja Seminar Wahyu Asas Tamadun Universiti Sains Islam Malaysia (2011) yang bertajuk “Penguasaan Kemahiran Bacaan al-Quran Dalam Program j-QAF: Kajian Kes di Sekolah Kebangsaan Dato’ Demang Hussin, Melaka” disediakan oleh Nurfadilah Mohamad dan Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. Kertas kerja ini membincangkan tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahun Enam yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran program j-QAF di Sekolah

²¹ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, (Mc Graw Hill Education, t.t), 86.

Kebangsaan Dato' Demang Hussin, Melaka. Seramai 130 orang responden dipilih secara rawak mudah serta diuji tahap bacaan al-Quran mereka. Hasil perbincangan dan analisis dapatan ujian bacaan al-Quran yang telah dijalankan menunjukkan seramai 75 orang pelajar boleh membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid, 17 orang pelajar boleh membaca secara sederhana dan kurang bertajwid serta 38 orang pelajar lemah dalam membaca al-Quran.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Naim Mat Salleh dari Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu, Terengganu (2008) yang bertajuk "Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Program j-QAF Bagi Murid-murid Sekolah Rendah Daerah Setiu, Terengganu" bertujuan mengenalpasti tahap pencapaian kemahiran asas tilawah al-Quran dan tahap buta huruf al-Quran berasaskan penggunaan kaedah *Iqra'* melalui program j-QAF dalam kalangan murid-murid tahun satu sekolah-sekolah rendah kebangsaan di daerah Setiu, Terengganu. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik, rekod pencapaian dan temubual sebagai alat mengumpul maklumat. Kajian ini melibatkan seramai 193 orang murid dan 16 orang guru dari lima buah sekolah rendah kebangsaan daerah Setiu, Terengganu. Dapatan utama kajian beliau menunjukkan hanya 10.9% murid boleh membaca al-Quran, manakala 89.1% tidak boleh membaca al-Quran. Ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran berasaskan kaedah *Iqra'* tidak dilaksanakan sebaiknya sebagaimana saranan pengasas kaedah tersebut. Menurutnya lagi, objektif tilawah al-Quran di bawah program j-QAF yang mahukan semua murid tahun satu pada enam bulan pertama menguasai kemahiran membaca al-Quran masih belum dicapai.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz dan Ahmad Kamel Mohamed (2003), Kolej Universiti Islam Malaysia bertajuk “Keberkesanan *Iqra'* Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Quran” bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah *Iqra'* sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian tersebut telah dilakukan di 27 buah sekolah di beberapa buah negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan 6 buah sekolah agama swasta. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa penggunaan kaedah *Iqra'* pada umumnya memberi kesan yang baik terhadap pencapaian pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah rendah kebangsaan.

Asrol Hasan dari Jabatan Seni Reka Perindustrian, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah (t.t) melalui kajiannya yang bertajuk “Fun *Iqra'* – Alat Bantu Mengajar Baru Di Dalam Pembelajaran Asas al-Quran Untuk Kanak-Kanak Pra Sekolah” percaya bahawa Pembelajaran Asas Tilawah al-Quran iaitu pengenalan kepada huruf-huruf tunggal *Hijayah* terhadap kanak-kanak pra sekolah dengan mengadaptasi kaedah *Iqra'* dan belajar sambil bermain bukan hanya menambah pemahaman tetapi memberi lebih keseronokan di dalam kelas tanpa mengalami sebarang tekanan sepanjang proses pembelajaran. Oleh yang demikian, pengkaji ini telah membuat penyelesaian dengan merekabentuk alat bantu mengajar baru yang berbentuk permainan pendidikan iaitu “FUN IQRA' ” yang lebih merujuk kepada buku *Iqra'* 1 agar mereka boleh mengenal, membaca dan mengeja huruf-huruf tunggal *Hijayah* dengan lebih lancar. Alat bantu mengajar ini telahpun diuji di dua buah pra sekolah swasta yang dipilih sekitar kawasan Lembah Kelang. Kaedah kajian eksperimen telah dijalankan kepada 40 kanak-kanak pra sekolah berusia empat dan lima tahun di mana 20 daripadanya didedahkan kepada kaedah belajar melalui bermain. Tiga jenis penilaian telah digunakan pada kanak-

kanak ini iaitu secara sumatif (pre-test/post-test) dan penilaian formatif untuk pemerhatian pengkaji di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman yang cepat dari kumpulan eksperimen di kedua-dua buah prasekolah pilihan dengan perbandingan ujian awal (pre-test) kepada ujian akhir (post-test) selepas menggunakan permainan berbentuk pendidikan “FUN IQRA’ ”.

Di sini, penulis turut memuatkan kajian-kajian mengenai teknik *Iqra’* yang telah dilakukan di Indonesia memandangkan teknik ini lahir di sana. Antaranya kajian bertajuk “Kemampuan Pengenalan Huruf Hijaiyah Pada Santri Yang Belajar Baca-Tulis al-Quran Dengan Metode *Iqra’*” oleh Marlina Marzuki (t.t) yang merupakan staf pengajar jurusan Teknik Kimia, Politeknik Negeri Lhokseumawe. Beliau telah mengkaji kemampuan pengenalan huruf-huruf *Hijāiyyah* kepada pelajar yang mempelajari baca-tulis al-Quran melalui teknik *Iqra’*. Seramai 40 orang pelajar berumur di antara 10 hingga 12 tahun telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati ramai peserta yang menggunakan teknik *Iqra’* tidak mampu menyebut nama-nama huruf *Hijāiyyah* dengan betul sekalipun mereka telah mampu membaca al-Quran dengan baik.

Daripada keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan berkenaan teknik *Iqra’*, dapat disimpulkan bahawa kesemua kajian ini ternyata berbeza dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh penulis. Ini adalah kerana penulis akan lebih memberi penumpuan terhadap kajian perbandingan di antara dua teknik belajar membaca al-Quran iaitu teknik *Iqra’* dan *Al-Baghdadi*. Namun, penulis turut memuatkan juga lima lagi teknik belajar membaca al-Quran iaitu teknik *Baghdadiyyah*, *Qiraati*, *Hattawiyyah*, *al-Barqy* dan *al-Matien*. Tumpuan juga turut diberikan kepada metodologi atau kaedah bacaan al-Quran yang diaplikasikan menerusi teknik *Iqra’* dan *Al-Baghdadi* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sudah pastinya kedua-dua teknik yang dikaji ini mempunyai kelainannya

yang tersendiri berdasarkan pengamatan awal penulis. Penulis turut melakukan sedikit kelainan di dalam kajian ini di mana penulis akan melakukan ujian bacaan al-Quran terhadap responden-responden dari teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* yang bakal dipilih bagi mengukur tahap keupayaan mereka membaca al-Quran dengan baik di samping mengambilkira hukum tajwid. Walaubagaimanapun, kajian-kajian terdahulu yang dimuatkan di sini sedikit sebanyak membantu penulis dalam mendapatkan data-data yang dirasakan perlu dan sesuai.

1.11 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Justeru, bentuk kajian yang dilakukan bagi memperolehi maklumat tersebut adalah melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

Kajian perpustakaan merupakan satu kajian yang dilakukan berpandukan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Ia bukanlah satu tugas yang mudah untuk memahaminya. Penulis menggunakan kajian perpustakaan ini untuk mencari bahan-bahan bertulis berbentuk fakta dan lain-lain yang berkaitan seperti histori, dokumentasi, buku-buku, jurnal, artikel dan majalah.

Di samping itu, dalam menjalankan kajian ini, penulis telah mengenalpasti metode-metode utama yang akan digunakan dalam mencari, mengumpul dan menganalisa bahan kajian. Metode-metode tersebut adalah:

- i. Metode Penentuan Subjek
- ii. Metode Pengumpulan Data

i. *Metode Penentuan Subjek.*

Dalam kajian ini, penulis akan memilih seramai 30 orang pelajar Tahun Dua dan Tiga dari Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur dan 30 orang pelajar ATCKL sebagai sampel. Kesemua pelajar dari kedua-dua teknik yang dikaji oleh penulis akan dipilih dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data berkenaan tahap penguasaan pelajar-pelajar sekolah rendah yang menggunakan teknik *Iqra'* sebagai sukatan pelajaran di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan teknik *Al-Baghdadi* sebagai pilihan alternatif membaca al-Quran.

ii. *Metode Pengumpulan Data*

Penulis akan menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Kaedah pengumpulan data kualitatif yang digunakan adalah melibatkan kaedah-kaedah berikut:

a. Kaedah Historis

Kaedah Historis merupakan kaedah pengumpulan data, maklumat dan fakta yang diambil daripada pembacaan ilmiah melalui perspektif sejarah mengenai aspek yang dikaji. Melalui kaedah ini juga, penulis akan mendapatkan maklumat berkenaan latarbelakang sejarah munculnya kaedah-kaedah bacaan al-Quran mengikut teknik-teknik yang telah diperkenalkan dan digunapakai di Malaysia. Di samping itu, penulis ingin mendapatkan maklumat berkenaan biografi lengkap pengasas teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* serta sejarah lahirnya kedua-dua teknik ini.

b. Kaedah Dokumentasi

Dalam usaha mendapatkan segala data, maklumat dan fakta yang dikehendaki, penulis telah merujuk serta membuat kajian di beberapa buah perpustakaan. Penulis turut mengkaji buku-buku yang berkaitan dengan pendidikan dan pengajaran al-Quran yang digunakan di dalam sistem pendidikan Malaysia dan mana-mana buku yang berkaitan dengan tajuk kajian penulis.

c. Kaedah Soal Selidik

Di dalam kajian ini nanti, penulis akan mengedarkan satu set borang soal selidik yang akan diisi oleh responden-responden yang telah dipilih. Tujuan pagedaran borang soal selidik ini adalah untuk mengenalpasti kemampuan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah menguasai teknik membaca al-Quran yang dipelajari. Keseluruhan data yang bakal diperolehi akan dianalisis dengan sebaiknya di dalam bab empat.

d. Kaedah Wawancara

Kaedah wawancara digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan terhadap pelaksanaan teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* serta mengetahui tahap penguasaan kemahiran membaca al-Quran pelajar. Bagi teknik *Iqra'*, penulis akan mendapatkan pandangan beberapa orang guru j-QAF yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran teknik ini. Pandangan beberapa orang tenaga pengajar dari ATCKL juga adalah perlu bagi mengetahui pendapat mereka terhadap pelaksanaan dan keberkesanan teknik *Al-Baghdadi* yang digunapakai dalam usaha meningkatkan mutu bacaan al-Quran para pelajar.

e. Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian turut diaplikasi di dalam kajian ini. Penggunaan kaedah ini adalah bagi melihat proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan terhadap kedua-dua teknik yang dikaji. Penggunaan kaedah pemerhatian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu penulis memperolehi maklumat yang diperlukan seterusnya membentangkan hasil dapatan yang diperolehi di dalam bab tiga dan empat.

f. Kaedah Ujian Bacaan al-Quran

Penulis akan turut menggunakan kaedah ini bagi melihat sendiri sejauhmana pelajar-pelajar mampu membaca serta menguasai teknik yang mereka pelajari. Keputusan ujian bacaan al-Quran responden akan dikumpulkan dan dianalisa dengan menggunakan program komputer *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi 17.0.

1.12 DATA DAN ANALISIS KAJIAN

Kesemua data yang telah dikumpulkan akan dianalisa dengan menggunakan metode analisis induktif, deduktif dan perbandingan tetap.

a. Metode Induktif

Melalui metode ini, penulis akan menganalisa data menerusi keadaan-keadaan yang bersifat khusus untuk mencapai kepada kesimpulan secara umum. Justeru, penulis akan menganalisis data-data yang telah diperolehi iaitu semua maklumat yang berkaitan dengan kaedah bacaan al-Quran menggunakan teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* dianalisa dan diambil kesimpulan darinya.

b. Metode Deduktif

Metode ini digunakan untuk menganalisa data berdasarkan bukti umum terhadap kaedah-kaedah yang khusus. Umpamanya melihat reaksi pelajar terhadap metodologi-metodologi yang digunapakai oleh guru-guru di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

c. Metode Perbandingan Tetap

Kaedah ini banyak digunakan pada tahun 60an.²² Chua Yan Piaw menyatakan bahawa reka bentuk kajian eksperimental benar merupakan reka bentuk kajian perbandingan antara kumpulan-kumpulan yang paling baik. Dalam reka bentuk ini, responden-responden diagihkan secara rawak ke dalam kumpulan-kumpulan responden untuk membuat perbandingan.²³ Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mencari penjelasan tentang perbezaan yang telah sedia wujud²⁴ dengan mengenalpasti perbezaan dan persamaan di antara metodologi kedua-dua teknik bacaan al-Quran tersebut dari sudut kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, penulisan semula huruf-huruf *Hijāiyyah* dan kalimah, pengulangan huruf, perkataan atau ayat yang dibaca serta peruntukan bilangan jam yang diajar. Justeru, penulis ingin mencari jawapan kepada teknik manakah di antara dua teknik bacaan al-Quran yang dikaji yang lebih mampu dikuasai oleh pelajar. Manakala dari sudut pemilihan responden pula, responden kajian ini adalah terdiri populasi yang berbeza lokasi pengajian iaitu di Segambut dan Setiawangsa, Kuala Lumpur.

²² Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan*, (Mc Graw Hill Education, t.t), 48.

²³ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, (Mc Graw Hill Education, 2011), 82

²⁴ Noraini, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 235.

Kajian ini juga turut bertujuan mengenalpasti teknik manakah yang mampu memberi impak yang terbaik terhadap mutu penguasaan bacaan al-Quran para pelajar. Secara keseluruhannya, metode ini agak ketara digunakan ketika membuat perbandingan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* di dalam bab 4.

Dengan membandingkan data-data yang telah diperolehi, penulis dapat mengenalpasti perbezaan yang tetap antara petunjuk-petunjuk tersebut, yang akan menjadi idea asas kepada data kualitatif dan kuantitatif tersebut. Dengan kaedah ini, kategori-kategori tertentu dapat dikenalpasti dan diterapkan sebagai fokus utama laporan kajian.

2.0 SUSUNAN PENULISAN

Kajian ini secara keseluruhannya mempunyai lima bab. Bab-bab tersebut akan dihuraikan melalui pecahan bab seperti berikut:

Bab Pertama:

Bab ini akan memberi tumpuan kepada sejarah kemunculan teknik-teknik bacaan al-Quran yang digunapakai dan diajarkan kepada murid-murid Islam di Malaysia. Sebanyak tujuh teknik bacaan al-Quran dipilih untuk diberi perincian di dalam bab ini iaitu teknik *Baghdadiyyah*, teknik *Qiraati*, teknik *Hattawiyyah*, teknik *al-Barqy*, teknik *Iqra'*, teknik *Al-Baghdadi* dan teknik *al-Matien*.

Bab Kedua:

Bab ini pula memberi penumpuan terhadap latarbelakang lokasi kajian iaitu di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur (SKSKL) dan di Al-Baghdadi Training Centre (ATC) Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Bab Ketiga:

Di dalam bab ini, penulis akan menghuraikan apakah metodologi bacaan al-Quran yang digunapakai menerusi teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*. Tumpuan yang diberikan terlebih dahulu adalah terhadap objektif teknik-teknik ini diperkenalkan beserta ciri-ciri dan sifat setiap teknik. Penulis juga menyentuh mengenai kaedah pengajaran dan pengajaran yang dilaksanakan, bahan bantu mengajar sedia ada serta yang disediakan, penulisan dan pengulangan huruf serta peruntukan bilangan waktu belajar setiap teknik.

Bab Keempat:

Bab ini akan memberi penekanan terhadap analisis perbandingan di antara teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* selepas soal-selidik diedarkan dan ujian bacaan al-Quran dilaksanakan. Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan, penulis akan dapat mengetahui teknik manakah di antara dua teknik yang dikaji mampu memberi impak yang terbaik dalam usaha memperkenalkan kaedah bacaan al-Quran dalam kalangan murid-murid Islam sekolah rendah.

Bab Kelima:

Bab ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian ini. Di dalam bab ini juga, penulis akan merumuskan beberapa hasil kajian yang telah dijalankan dari bab terdahulu. Penulis turut memberi beberapa cadangan yang dirasakan perlu untuk tujuan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan Negara di masa akan datang.